

Ulasan Buku: Trend dan Isu Pendidikan Abad ke-21

(Book Review: Trend, Issues and Education on the 21st Century)

Nurfarhana Che Awang^{1*}, Azmil Tayeb²

¹Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11700, Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia.

Email: nurfarhanaawangphd@student.usm.my

²Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11700, Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia.

Email: azmil@usm.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nurfarhana Che Awang

(nurfarhanaawangphd@student.usm.my)

KATA KUNCI:

Isu Pendidikan

Alaf-21

Perkembangan Pendidikan

KEYWORDS:

Educations Issues

Alaf 21

Education Development

CITATION:

Nurfarhana Che Awang & Azmil Tayeb. (2022). Ulasan Buku: Trend dan Isu Pendidikan Abad ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(12), e001966. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1966>

Buku Trend dan Isu Pendidikan Abad ke-21 yang ditulis oleh Norazilawati Abdullah dan diterbitkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 2020 berhalaman 178. Merupakan sebuah buku yang memfokuskan kepada pendedahan kepada masyarakat tentang hal dan isu yang berkaitan dengan pendidikan pada abad ke-21 di Malaysia. Trend, cabaran dan isu dalam buku ini cuba dibentangkan kepada pembaca berpandukan kepada 11 anjakan pendidikan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025) serta isu pembelajaran pada abad ke-21. Hujah-hujah dalam buku ini bukan sahaja ditulis berdasarkan pengalaman dan latar belakang penulis yang berpengalaman dalam dunia pendidikan. Bahkan, buku ini turut ditulis berdasarkan kepada kepakaran ilmu, penulisan dan kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh Norazilawati sepanjang 17 tahun berkecimpung dalam dunia pendidikan yang telah melalui banyak fasa perjawatan bermula sebagai guru, pensyarah sehingga menjawat jawatan sebagai Penyelaras Pendidikan Sekolah Rendah, Penyelaras Penerbitan dan terkini sebagai Timbalan Pengarah di Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara. Justeru, buku ini mustahak untuk dibaca, diteliti dan diperdebatkan khususnya kepada pendidik-pendidik di luar sana dalam memahami trend dan isu pendidikan yang mendasari pendidikan di Malaysia pada abad ke-21 ini.

ABSTRACT

The book Trend, Issues and Education on 21st Century written by Norazilawati Abdullah and published by University Pendidikan Sultan Idris in 2020 has 178 pages. It is a book that focuses on exposing the public to the matters and issues related to education in the 21st century in Malaysia. The trends, challenges and issues in this book are presented to the readers based on the 11 educational

shifts in the Malaysia Education Development Plan (PPPM 2013-2025) as well as learning issues in the 21st century. The arguments in this book are not only written based on the experience and background of the writer who is experienced in the world of education. In facts, this book is also written based on the expertise of knowledge, writing and research that have been carried out by the author during her 17 years of being involved in the world of education, as she has gone through many phases of employment starting as a teacher, lecturer until holding the position of Primary School Education Coordinator, Publication Coordinator and most recently as a Deputy Director at the National Child Development Research Center. Therefore, this book is important to be read, researched and debated especially for educators out there in understanding the educational trends, issues that underlie education in Malaysia in the 21st century.

Ulasan Buku

Asasnya matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan sebuah falsafah yang berhasrat untuk memperkembangkan potensi individu secara holistik dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI). Berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta mampu memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Justeru, kita telah melihat pelbagai usaha giat yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memastikan hasrat dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini mencapai matlamatnya dalam mengharungi pelbagai isu dan cabaran yang mendepani dalam pendidikan terutamanya dalam isu yang berkaitan dengan perpaduan dan kesepaduan antara kaum terutamanya selepas peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969.

Justeru, buku yang ditulis oleh Norazilawati secara ringkasnya cuba memaparkan bagaimana usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mewujudkan akses yang saksama kepada semua pihak agar kualiti pendidikan negara bertaraf antarabangsa. Malahan, pelbagai isu yang turut dibincangkan. Umpamanya, isu bahasa, isu cabaran dalam melahirkan murid yang menghayati nilai dan langkah yang harus diambil untuk penerapan nilai, isu transformasi profesion perguruan, kepimpinan pentadbiran, isu kerjasama guru dan ibubapa dalam meningkatkan keberhasilan murid. Pada bab terakhir buku ini turut mengupas hal pembelajaran abad ke-21 yang dibincangkan dari konteks pelaksanaan, isu dan cabaran. Oleh itu, buku ini telah menyediakan pandangan dan ilmu terhadap isu serta permasalahan yang sebenar yang berlaku di dalam arena pendidikan di Malaysia kepada semua pihak. Malahan, penulis turut memperlihatkan bahawa terdapat banyak cabaran dan inisiatif yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam mendukung matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tetapi persoalan, sejauh mana inisiatif, langkah dan usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan berjaya mencapai matlamat Falsafah Pendidikan kebangsaan dalam menyediakan pendidikan abad ke-21?

Norazilawati Abdullah telah membingkaikan buku ini kepada 12 bab. Buku ini telah membincangkan secara meluas isu-isu dan cabaran yang terjadi pada arena pendidikan pada abad ke-21 ini bermula daripada bab 1 sehingga bab 12. Namun, apa yang sangat menarik minat penulis untuk mengulas buku ini tertanam pada aspek Bab 1 (Menyediakan Kesamarataan Akses kepada Pendidikan Berkualiti Bertaraf Antarabangsa) dan Bab 3 (melahirkan rakyat yang menghayati nilai) pada buku ini kerana topik-topik ini turut menjadi topik penyelidikan utama penulis sendiri. Ini kerana, isu yang dibincangkan pada Bab 1 dan Bab 3 merupakan isu yang sangat penting dalam membentuk warganegara yang baik yang terkandung dan tersirat secara normatif di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bahkan, penerapan nilai pendidikan dalam subjek Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, Sejarah, Pendidikan Islam merupakan suatu agenda negara untuk melengkapkan pemikiran dan pandangan generasi baharu ke arah inklusiviti sekaligus mampu membentuk masyarakat inklusif pada masa mendatang.

Pada Bab 1 dan Bab 5, Norazilawati Abdullah menyatakan bahawa sekolah adalah sebuah ruang yang mampu mengumpul dan membentuk perpaduan sosial terutamanya pada negara seperti Malaysia dalam membentuk masyarakat inklusif. Ini kerana, Malaysia memiliki keunikan sifat kepelbagaian daripada konteks etnik, agama, budaya dan warisan yang sentiasa menjadi kekuatan dan cabaran dalam membentuk perpaduan. Maka, keunikan konteks sosial menjadi faktor utama untuk mengekalkan perpaduan seperti mana yang diimpikan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan sehingga menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil inisiatif memastikan kesemua kumpulan etnik di Malaysia diberi bantuan dan sama rata dalam soal pendidikan. Umpamanya, dapat dilihat dari aspek penggubalan subjek Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, Pendidikan Moral, program RIMUP dan sebagainya. Bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang memiliki semangat patriotik dan bertanggungjawab pada negara dan mampu membentuk integrasi sosial. Walau bagaimanapun, usaha untuk mencapai hasrat dan matlamat seperti yang dimahukan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan suatu yang tidak mudah dan penuh dengan kompleksiti terutamanya di negara yang bersifat majmuk seperti Malaysia. Antaranya, isu yang menjadi halangan seperti isu polarisasi kaum yang memiliki kepelbagaian keinginan dengan masyarakat antara kaum telah membentuk konflik yang pelbagai. Ini kerana, pendidikan pada hari ini sebuah pendidikan yang terlalu memfokuskan kepada pencapaian akademik menyebabkan ibu bapa kurang memberi penekanan kepada pembentukan nilai anak-anak. Bahkan, cabaran turut diberatkan lagi dengan faktor persekitaran, pengaruh rakan sebaya dan sebagainya menyebabkan proses pembentukan nilai di dalam pendidikan kurang dicapai.

Oleh itu, dalam mendepani cabaran untuk membentuk masyarakat inklusif, adil dan saksama harus melalui penerapan nilai di dalam pendidikan melalui komponen pendidikan negara. Umpamanya, inisiatif dan usaha yang dilaksanakan oleh pihak kementerian dalam penerapan dan penghayatan nilai dilihat dari lima hal. Kelima-lima elemen ini penting untuk disepadukan agar pendidikan negara dapat mencapai kesepadan dan keseimbangan seperti yang mahukan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Misalnya, memperkembangkan potensi individu, menyeluruh dan bersepadau, insan yang seimbang dan harmonis; intelek dan rakyat Malaysia yang berketerampilan.

Penulis secara peribadi bersetuju dengan hujahan dan pandangan yang dilontarkan oleh Norazilawati Abdullah dalam buku ini terutamanya dari aspek cabaran pembelajaran pada abad ke-21 ini. Terutamanya dalam soal merealisasikan pembelajaran dan matlamat

Falsafah Pendidikan Malaysia turut memerlukan tenaga pengajar atau guru yang mempunyai kemahiran memimpin dan membimbing para pelajar serta memperlihatkan kepelbagaiannya perubahan yang dilaksanakan oleh KPM dalam memastikan pembelajaran pada alaf 21 kekal relevan. Namun demikian, penulis merasakan tidak begitu setuju dengan kenyataan yang ditulis oleh Norazilawati Abdullah pada halaman 178 iaitu "Bagi mendepani cabaran ini, guru secara berterusan perlu mengemas kini pengetahuan (kandungan kurikulum) dan kompetensi (pedagogi pdpc) supaya kekal relevan dengan keperluan semasa dan mendatang". Betul penulis bersetuju bahawa guru harus sentiasa mengemas kini kemahiran guru sebagai pendidik dalam mendepani cabaran global dan alaf semasa. Namun begitu, penulis lebih bersetuju seandainya Norazilawati Abdullah turut menyatakan bahawa keseluruhan pihak (aktor pentadbir dan aktor pelaksana) turut harus mengemas kini kemahiran dan menambah ilmu dalam memastikan pentadbiran negara kekal relevan dari aspek polisi di peringkat penggubalan sehingga pada peringkat pelaksanaan. Ini kerana, aspek kompetensi dan kecemerlangan guru sahaja tidak mampu untuk membentuk dan mencapai kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan kerana arena pendidikan merupakan sebuah lapangan yang melibatkan pelbagai pihak. Maka, fokus tidak hanya harus dilihat pada isu dan permasalahan pada peringkat fungsi kompetensi dan kecemerlangan pihak pelaksanaan (guru) semata-mata.

Kekuatan buku ini berkisar kepada pada langkah dan usaha pihak kementerian dalam mendepani trend dan isu pendidikan yang dilaksanakan oleh Pihak Kementerian Pendidikan dalam mendepani cabaran mendatang. Umpamanya, akan berlaku rombakan dan penamaan daripada sudut dasar, pelan, program dan perancangan untuk menambah baik dasar pendidikan hasil tindak balas daripada isu yang terbit. Namun demikian, buku ini tidak menyatakan secara menyeluruh cabaran dan isu yang turut hadir dalam arena pendidikan terutamanya di peringkat pelaksanaan dasar yang dihadapi oleh pihak pentadbir sekolah dan guru-guru. Misalnya, hal keupayaan guru dalam melaksanakan program dan dasar-dasar yang digubal oleh pihak penggubalan dasar. Contohnya, permasalahan yang dihadapi guru semasa melaksanakan dasar serta pengukuran keupayaan guru turut harus dilihat dan diukur oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mendepani cabaran pendidikan alaf ke-21. Tujuan supaya segala dasar, program dan aktiviti yang dirangka oleh pihak berwajib dapat dilaksanakan sebaik mungkin mengikut kapasiti dan keupayaan tenaga guru pelaksana. Sebaliknya, perbincangan buku ini hanya memfokuskan kepada inisiatif dan usaha yang diambil oleh pihak aktor penggubal dasar untuk menangani permasalahan yang terjadi dalam mendepani isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pihak sekolah terutamanya.

Seharusnya, dalam menggambarkan isu pendidikan sebenar pada abad ke-21. Norazilawati Abdullah seharusnya membingkaikan penulisan daripada pelbagai aspek pendidikan bermula daripada peringkat implementasi dasar sehingga ke peringkat pelaksanaan dasar yang turut harus merangkumi keupayaan golongan pelaksana melaksanakan dasar, program dan aktiviti yang dirangka supaya matlamat dasar dapat dicapai sepenuhnya. Ini kerana, cabaran dan isu permasalahan tidak sekadar hadir pada peringkat penggubalan dasar dan sudut program digubal untuk menyelesaikan permasalahan. Sebaliknya, pembentukan sesebuah dasar itu telah sempurna sehingga hanya perlu ditambah baik sahaja. Tetapi aspek keupayaan guru dan pihak sekolah harus diambil kira. Misalnya, kekurangan masa, kepadatan jam pengajaran guru, sumber tenaga pengajar dan kepakaran guru, kewangan dan sebagainya. Kesemua ini turut memainkan peranan yang penting dalam keberjayaan mencapai pendidikan alaf 21. Ini kerana, keberjayaan sesuatu dasar pendidikan bergantung sepenuhnya kepada keupayaan dan kemampuan guru melaksanakan dasar dan program yang digubal.

Namun begitu, inilah limitasi pada buku ini dan fokus tidak seharusnya diletakkan kepada limitasi ini sebagai kelemahan pada buku ini. Setidaknya buku ini telah secara menyeluruh menerangkan dan membincangkan isu dan permasalahan pendidikan. Terutamanya, tentang bagaimana pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha menyediakan kesamarataan akses kepada semua pihak, usaha mentransformasikan profesi guru, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta elemen kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk ibubapa, guru dan masyarakat. Pada pandangan penulis, secara keseluruhan Norazilawati Abdullah telah menulis buku ini dengan cemerlang dan membincangkan daripada pelbagai sudut cabaran yang dihadapi oleh arena pendidikan di Malaysia.

Sehubungan itu juga, seperti yang diharapkan oleh Norazilawati Abdullah agar buku ini mampu dimanfaatkan dan menjadi panduan berguna kepada pendidikan dan semua pihak yang berminat mendalamai isu dan trend pendidikan di Malaysia. Penulis turut berharap semoga lebih ramai para sarjana diluar sana turut memperdebatkan isu dan cabaran pendidikan supaya sistem dan dasar pendidikan dapat ditambah baik untuk kemajuan negara terutamanya dalam mewujudkan masyarakat inklusif menuju pembinaan bangsa Malaysia.

Rujukan

- Norazilawati Abdullah. (2020). *Trend dan Isu Pendidikan Abad ke-21*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.